



**UMS turut menghantar tiga doktor, seorang jururawat dan pelajar perubatan bagi membantu pasukan perubatan HUSM.**

## **UMS sumbang RM26,435 kepada mangsa banjir di Kelantan**

**UB 15.1.2015 A6**

**KOTA KINABALU:** Bencana banjir yang berlaku di negeri-negeri pantai timur Semenanjung bulan lalu terutamanya Kelantan yang terjejas teruk mendapat perhatian daripada seluruh warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) apabila pihak pengurusan UMS menggerakkan usaha pengumpulan barang keperluan dan melancarkan tabung bencana banjir.

Menurut Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof Dr Shahril Yusof, semua barang yang disumbangkan dihantar ke Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS untuk zon Kota Kinabalu dan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bagi zon Labuan untuk dikumpul dan seterusnya akan dihantar ke Kelantan pada minggu depan.

“Dalam masa beberapa hari selepas tabung bencana banjir dilancarkan, kita berjaya mengumpul sebanyak RM26,435,” katanya pada majlis ringkas penyerahan sumbangan dari UMS kepada USM yang berlangsung di pejabat pentadbiran Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan.

“Duit sumbangan ini diserahkan kepada pihak pengurusan HUSM yang menjadi Pusat Pengumpulan Bantuan Mangsa Banjir Kelantan dan perantara agihan bantuan kepada penduduk yang terlibat,” katanya.

Shahril berkata, UMS turut merancang bantuan pasca banjir seperti menghantar pasukan sukarelawan yang terdiri daripada pelajar UMS yang berasal dari



**SHAHRIL (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan wang tunai kepada Omar (dua dari kiri) diperhatikan Tengku Mahaleel (kiri).**

Kelantan dan negeri-negeri berdekatan untuk membantu pasukan USM menjalankan misi bantuan pasca banjir.

“Secara kabetuluan, pelajar ini akan mula bercuti semester dan balik kampung pada minggu hadapan. Jadi, mereka boleh membantu pasukan USM melaksanakan misi pasca banjir seperti yang dirancang.

“Pada fasa pertama, kami menghantar satu pasukan bantuan terdiri daripada tiga doktor, seorang jururawat dan pelajar perubatan bagi memberikan bantuan sokongan kepada HUSM di samping membuat penilaian untuk menghantar sukarelawan pada fasa kedua nanti menerusi pelajar UMS nanti,” katanya.

Begitupun jelas beliau, UMS tetap mengutamakan bantuan dan sokongan kepada penduduk di negeri Sabah yang terjejas banjir baru-baru ini dengan menyumbangkan keperluan

harian kepada mangsa yang terlibat.

Naib Canselor USM Prof Dato’ Omar Osman pula memuji dan berterima kasih atas usaha yang dilakukan UMS kerana sentiasa memberikan perhatian kepada isu-isu yang melibatkan masyarakat.

“Kita tidak dapat ganti apa yang rosak dan hilang ketika banjir baru-baru ini. Tetapi kita berusaha membantu dari sudut yang lain seperti membekalkan doktor, jururawat dan sukarelawan,” katanya.

Beliau turut menegaskan UMS akan berkolaborasi dengan UMS menyediakan pasukan sukarelawan bagi membantu mangsa banjir memulihbaiki rumah mereka yang rosak.

Penyerahan sumbangan wang tunai dari UMS turut disaksikan Ahli Lembaga Pengarah USM, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff serta kakitangan HUSM.